




JABATAN WARISAN NEGARA  
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA

1. Tender ini adalah terbuka kepada kontraktor bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai **Sijil Kontraktor Penyiap** (yang diberikan oleh Kementerian Kerja Raya) yang masih berkuatkuasa di bawah Gred dan Kod Bidang seperti di bawah untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut:

No Tender	Butir Pelawaan	Gred/ Kod Bidang	Taklimat dan Lawatan Tapak	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual/Ditutup	Tempat, Tarikh dan Waktu Tender Ditutup	Syarat Utama Pelawaan
JWN.PBN.400-5/10/2	Penyiapan Baki Kerja Naik Taraf Galeri Arkeologi Lembah Lenggong, Perak (Fasa 2)  <u>Jenis Tender</u> Terbuka Bumiputera	<u>Gred:</u> G5 dan Ke Atas  <u>Kategori Kod Bidang</u> B (Pembinaan Bangunan)  <u>Pengkhususan</u> B07 (Hiasan Dalam) dan B28 (Kerja-Kerja Ubahsuai)	<u>Tarikh</u> 20 Mac 2024 (Rabu)  <u>Masa</u> 11.00 Pagi  <u>Tempat</u> Galeri Arkeologi Lembah Lenggong, Jabatan Warisan Negara Zon Tengah, Kota Tampan, 33400 Lenggong, Perak  (Kehadiran Taklimat dan Lawatan Tapak adalah WAJIB)	<u>Tarikh Mula Dokumen Dijual</u> 1 April 2024 (Isnin)  <u>Tarikh Akhir Dokumen Dijual</u> 15 April 2024 (Isnin)  <u>Jualan Dokumen</u> Dokumen pelawaan akan diadarkan secara atas talian kepada kontraktor yang menghadiri taklimat/lawatan tapak dan berjaya melepasi saringan.  <u>Kaedah Pembayaran</u> Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk: <ul style="list-style-type: none"><li>i. Draf Bank/Kiriman Wang/Wang Pos di atas nama Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara; atau</li><li>ii. Tunai; atau</li><li>iii. DuitNow <i>Instant Transfer</i> (nama penerima dan nombor akaun akan diberikan kepada kontraktor yang melepasi saringan sahaja)</li></ul> Kaunter bagi kaedah pembayaran i dan ii di Cawangan Kewangan dan Akaun, Jabatan Warisan Negara dibuka mulai pukul 9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari pada hari bekerja mulai 1 April 2024 hingga 15 April 2024.  Kontraktor perlu mengemukakan resit/bukti pembayaran kepada Cawangan Pembangunan (Kerja dan Tender), Jabatan Warisan Negara bagi tujuan edaran dokumen.  <u>Harga Dokumen</u> RM100.00	<u>Tempat</u> Jabatan Warisan Negara, Blok B, Bangunan Sultan Abdul Samad, Jalan Raja, 50050 Kuala Lumpur  <u>Tarikh</u> 22 April 2024 (Isnin)  <u>Masa</u> 12.00 tengah hari  (Tawaran tender yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan)	<u>Syarat-syarat yang perlu dipenuhi bagi menerima dokumen pelawaan:</u> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Berdaftar dengan <b>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)</b> dan tempoh pendaftaran masih sah semasa tarikh tutup tender.</li><li>2. Kontraktor hendaklah mempunyai <b>Sijil Kontraktor Penyiap</b> yang telah diberikan oleh Kementerian Kerja Raya dan masih berkuatkuasa.</li><li>3. Kerja-kerja Mekanikal dan Elektrikal (M&amp;E) akan dilaksanakan secara berpaksej. Kontraktor perlu melantik sub-kontraktor yang berkecualan dan berdaftar dengan CIDB dalam kategori M&amp;E pengkhususan M01 (Sistem Hawa Dingin) dan E11 (Kerja Am Elektrik).</li></ol>

2. Hanya penama yang berdaftar di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang boleh menghadiri taklimat dan lawatan tapak. Sila bawa Kad Pengenalan dan salinan sijil-sijil berkaitan serta cop rasmi jabatan. Kehadiran taklimat dan lawatan tapak adalah diwajibkan. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak kontraktor.
3. Dokumen pelawaan akan diedar secara atas talian kepada kontraktor yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak serta berjaya melepasi saringan. Dokumen pelawaan hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang telah membuat bayaran sama ada secara Draf Bank/Kiriman Wang/Wang Pos atas nama Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara atau tunai atau DuitNow *Instant Transfer* (nama penerima dan nombor akaun akan diberikan kepada kontraktor yang melepasi saringan sahaja) dalam tempoh yang ditetapkan. Jabatan berhak menolak pemberian dokumen jika terdapat mana-mana butiran yang tidak melepasi kelayakan yang disyaratkan. Kontraktor dimohon mengemukakan alamat emel dan nombor telefon yang boleh dihubungi untuk memudahkan urusan.
4. Dokumen pelawaan yang dihantar sama ada melalui serahan tangan atau menggunakan perkhidmatan pos/kurier yang telah sempurna dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dengan tajuk dan nombor tender di penjuru kiri sampul surat berkenaan. Cadangan Teknikal dan Kos hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan dan ditandakan dengan jelas. Dokumen-dokumen ini hendaklah dipastikan masuk ke dalam peti tender sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup yang ditetapkan.
5. Kegagalan kontraktor melaksanakan arahan ini boleh menyebabkan tawaran tender yang dikemukakan ditolak.
6. Iklan ini boleh juga diakses dengan melayari laman web rasmi jabatan ini: [www.heritage.gov.my](http://www.heritage.gov.my) dan Sistem Maklumat Bersepadu Perolehan Kerajaan (MyGPIS).

  
**MOHAMAD MUDA BIN BAHADIN**  
Timbalan Ketua Pengarah  
Jabatan Warisan Negara

Tarikh Keluar Iklan: 23 Februari 2024